



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 26 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI TINGKAT BEKALAN MAKANAN, KELANTAN, HARAKAH -N13 KELANTAN PERKENAL KELAPA VARIATI BARU, KELANTAN, HARAKAH -N13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	VETERINARY CARE VITAL IN ANIMAL WELFARE, LIVING, THE STAR -7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	DRON PINTAR INOVASI LONJAK HASIL SEKTOR PERTANIAN, KOMENTAR, UM -11	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
5.	DULU JURUTERBANG KINI JADI PETANI, NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2020	HARAKAH	KELANTAN	N13

MAFI tingkat bekalan makanan



Che Abdullah Mat Nawi melawat pusat penternakan arnab di Ketereh.

Oleh SALMAH MAT HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

KOTA BHARU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mempertingkatkan bekalan makanan bagi keperluan rakyat terutamanya ketika menghadapi pandemik Covid-19.

Sehubungan itu kerajaan dijangka menyediakan peruntukan lebih besar kepada kementerian terbabit dalam bajet 2021.

Timbalan Menteri berkenaan Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, peruntukan tersebut akan dibentang

pada Belanjawan 2021.

"Pada peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sektor pertanian berjalan lancar. Rakyat tidak menghadapi masalah mendapat bekalan makanan," katanya selepas melawat penternakan arnab di Kampung Buluh Poh Ketereh dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Che Abdullah juga berkata, hasil kecekapan kerajaan membolehkan bekalan makanan bagi keperluan

rakyat mencukupi.

Pada lawatan itu beliau melawat pusat ternakan milik Persatuan Penternak Arnab Kelantan (PETAK) dan Taman Arnab Persatuan Penternak Arnab Pedaging Kelantan (APEK).

Sebelum ini, kerajaan negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM36,500 kepada PETAK dan RM24,800 kepada ApeK di bawah program Pembangunan Usahawantani Al-Falah 2020.

Populasi arnab pedaging di Kelantan sekarang sebanyak 10,506 ekor berbanding 1309 ekor pada 2015.

Kelantan perkenal kelapa variati baru

KOTA BHARU: Jabatan Pertanian Kelantan memperkenalkan pokok kelapa variati baru bagi membantu penduduk menambah pendapatan.

Anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kerajaan negeri membelanjakan RM300,000 bagi menyediakan benih kelapa tersebut.

Katanya seramai 100 peserta dari 13 Dewan Undangan Negeri (Dun) akan menerima benih kelapa terbabit.

"Kempen tanam kelapa diperkenal tahun ini bagi men-

jadikan kelapa sebagai sumber pendapatan baru rakyat di Kelantan.

"Seramai dua daripada 100 penerima terpilih di setiap Dun akan diberi peluang menanam dalam bentuk ladang dengan syarat mempunyai tanah sendiri," katanya selepas melancarkan 'Kempen Tane Nyor Al Falah' Dun Chempaka baru-baru ini.

Tuan Mohd Saripudin berkata, Kelantan mengambil langkah itu memandangkan bekalan kelapa di negara ini tidak mencukupi sehingga ter-

paksa mengimport kelapa dari negara luar termasuk Indonesia.

Sementara itu di majlis lain di Pasir Mas beliau berkata, pengeluaran ikan dalam sangkar di Danau To' Uban dijangka meningkat kepada 55 hingga 70 metrik tan tahun depan.

Katanya pengeluaran ikan di danau itu sekarang antara 28.9 hingga 30 tan.

Menurutnya peningkatan tersebut berikutan penambahan jumlah sangkar dan bilangan penternak.

"Sebelum ini penternak seramai 40 orang iaitu 30 orang di Sungai Rasal dan 10 orang di kawasan Danau To' Uban.

"Namun hari ini peserta baharu seramai 30 orang menjadikan jumlah keseluruhan pengusaha sangkar ikan meningkat kepada 70 orang," katanya pada majlis penyerahan sangkar ikan dan input perikanan kepada penternak ikan Danau To' Uban Khamis lepas.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyampaikan benih kelapa.

VETERINARY CARE VITAL IN ANIMAL WELFARE

THERE is no doubt that we love our pets very much. However, a local research has revealed a shocking figure regarding cat care, and it does raise a critical question: Is the welfare of Malaysian cats being taken care of?

The study shows that 40% of cat owners in Malaysia have never taken their pet to the vet.

This gap usually starts at the early stages of a cat's life, with only 10% of owners taking their new kitten to the vet.

And yet, veterinarian visits during kittenhood is one of the key elements in providing them a great start to life.

Getting your kitten familiar with veterinary visits can lead to a more pleasant experience for both the owner and the cat in the years to come.

Prevention of diseases

Taking cats to the vet and starting when they are kittens is critical in the prevention of diseases.

Preventative healthcare, which includes prevention, early detection and reducing the impact of disease, is essential for cats' health and well-being.

This becomes more essential as the discovery of signs indicating a health decline in cats can be quite challenging even for seasoned cat owners.

"Regular vet visits allow early communication with pet owners to take place, thus enabling veterinarians to share pet care knowledge and ultimately, cultivate the value of responsible pet ownership," says Royal Canin Malaysia market head Dnitrity Sokolov.

"We are currently dealing with numerous diseases in cats that are

Royal Canin campaigns for cats to have vet care.



"We are currently dealing with numerous diseases in cats that sadly could have been prevented with regular check-ups," says Sokolov.

A study showed that 40% of Malaysian cat owners do not take their pet to the vet. — dpa

growing in prevalence that sadly could have been prevented with regular check-ups.

"That's why tackling the problems associated with taking cats to the vet needs to be managed strategically with a focus on prevention, targeting kittens."

Take your cat to the vet

Under its Take Your Cat To The Vet campaign, Royal Canin, one of the leading pet health nutrition

companies, rallies cat owners to see the vet.

"Our goal with the Take Your Cat To The Vet campaign aims to advocate veterinary care for cats a vital part of animal welfare to all stakeholders in the industry.

"This year, we are proud to have the Department of Veterinary Services alongside our global partner for this campaign, the International Society of Feline Medicine (ISFM), a division under the International Cat Care.

(iCatCare)," says Sokolov.

"While the gap in preventative veterinary care between dogs and cats continues to be a concern, the great news is that it can be addressed."

To raise awareness for this campaign, Royal Canin Malaysia is rolling out a series of activities for cat lovers of all ages.

These include the TYCTV: The Future Advocate poetry and storytelling competition (open to children aged four to 12); an interactive educational web game compe-

dition, and the Cat2Vet digital live event happening on Dec 5.

For more information and tips on stress-free vet visits for cat owners and furkidds or to join the Take Your Cat To The Vet campaign activities, go to <http://www.royalcanin.com/my/take-your-cat-to-the-vet>.

You can also join the conversation and be part of the movement on social media by using the hashtags #TakeYourCatToTheVet, #Cat2Vet, and #RoyalCaninMalaysia.

Dron pintar inovasi lonjak hasil sektor pertanian

Penggunaan dron dalam bidang pertanian sudah tidak asing lagi di negara ini terutama untuk membantu dalam tugas berkaitan penanaman padi.

Teknologi ini penting bagi memajukan pertumbuhan ekonomi pertanian berkembangan maju, sekali gus merealisasikan matlamat pembangunan negara, iaitu meningkatkan pendapatan petani, nelayan, penternak dan usahawan tani.

Dalam menyokong usaha kerajaan meningkatkan lagi produktiviti tanaman terutama nenas, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia (LPNM) menghasilkan dron pertanian, PINEXRI-20.

Dron yang berfungsi sebagai alat penyemai baja tidak pengemudi ini dilengkapi perkhidmatan pengurusan berasaskan teknologi internet benda (IoT).

PINEXRI-20 berukuran 1.4 meter x 1.4 meter ini antara usaha universiti bagi menentang penggunaan teknologi penanaman nenas di Malaysia, sekali gus membantu meningkatkan produktiviti industri yang berkaitan selari dengan industri lain.

Bukan itu sahaja, dron ini dapat membantu petani memastikan pelaksanaan teknik pertanian yang tepat digunakan untuk memaksimumkan hasil keluaran mereka.

PINEXRI-20 baru sahaja dilancarkan 4 Oktober lalu dilengkapi perkhidmatan pengurusan berasaskan IoT dan



Dron pertanian PINEXRI-20 hasil kerjasama UTHM dan LPNM membantu petani meningkatkan lagi produktiviti tanaman nenas.
(Foto ihsan UTHM)

peranti pintar yang mana ia menggunakan sistem yang diprogramkan seperti pemproses, sensor dan alat komunikasi.

Sistem itu digunakan untuk mengumpul, menghantar dan bertindak balas terhadap data diperolehi daripada analisis kawasan tertentu.

Data terkumpul akan dihantar kepada peranti lain untuk dianalisis. Selarasnya, peranti akan berkomunikasi dan bertindak terhadap maklumat yang diperolehi dan mereka akan melakukan sebahagian besar pekerjaan tanpa campur tangan manusia.

Bagaimanapun, manusia masih boleh berinteraksi dengan peranti contohnya memberi arahan atau mengakses data dalam peranti.

Hasil penggunaan teknologi ini, dron ini mampu memberikan sembu-

cih lebih kelebihannya terbesar dalam industri pertanian kerana dapat melakukan pelepasan dan pendaratan dengan pantas yang menjadikannya mampu beroperasi dalam kawasan terhad tanpa memerlukan landasan pacu.

Selain itu, ia juga mempunyai kelebihan untuk melayang pada satu sasaran, lalu menjadikan ia sangat relevan digunakan dalam sektor pertanian.

Dron berkenaan perlu berada dalam posisi yang tetap dan tepat untuk jangka masa panjang. PINEXRI-20 mempunyai kelebihan tersendiri apabila mampu membawa maksimum 10 liter baja yang dapat disembur pada keluasan 810 meter persegi.

Dron ini juga berupaya melakukan satu penerbangan lengkap selama beberapa minit. Kelebihan ini dapat membantu petani untuk membaja dengan lebih cepat dan efektif.

Penggunaan dron berteknologi canggih seperti PINEXRI-20 dapat mengurangkan beban syarikat pertanian yang baru ditubuhkan kerana mereka tidak perlu lagi menggunakan tenaga pekerja yang ramai, sekali gus dapat menjimatkan kos.

Petani kini tidak perlu lagi risau melakukan kerja tani untuk tanaman mereka kerana dron mampu melaksanakan tugas seperti membaja dan menyiram di kawasan yang luas, terperinci atau berisiko.

Penulis adalah Ketua Jabatan Kejuruteraan Pembuatan dan Penyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Nekad ubah hidup selepas ditamatkan perkhidmatan lima bulan lalu

Dulu juruterbang kini jadi petani

Oleh SHARKAWI LONDING

RATU PAHAT - Selepas lebih empat dekad bertugas di awan biru, seorang bekas juruterbang sebuah syarikat penerbangan tempatan terpaksa menelan kepahitan apabila perkhidmatannya ditamatkan berikutan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia pada ketika ini. Jika dahulu, Abu Bakar Hassan, 60, mengukir senyuman dan hidup selesa dengan pendapatan bulanan mencecah lima angka, namun takdir sudah tertulis apabila perkhidmatannya berakhir pada 31 Mei lalu.

"Perkhidmatan saya ditamatkan selepas pihak pengurusan syarikat memutuskan untuk mengurangkan beban kewangan susulan prestasi sektor penerbangan yang terus merudum akibat Covid-19.

"Siapa tak sedih, lebih 40 tahun saya berkhidmat sebagai

juruterbang dan pengakhiran begini memberi kesan yang amat mendalam," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Tidak mahu meratapi kesedihan itu, anak kelahiran Batu Pahat ini sebaliknya terus bangkit mengusahakan tanah seluas 2.02 hektar di Parit Badiak, Seri Medan di sini.

Tanah yang dibeli dengan harga RM45,000 pada 2013 lalu itu diusahakan dengan bercucuk tanam antaranya durian, kelapa sawit, kelapa muda, bukeh, ubi, cili sejak Julai lalu.

"Sebenarnya saya memang berniat untuk mengerjakan tanah ini selepas bersara pada usia 65 tahun nanti, namun takdir Allah perkhidmatan saya ditamatkan lebih awal," katanya.

Jelas Abu Bakar, tidak chinafikan, pada peringkat awal ini menuntut kesabaran tinggi kerana pulangnya yang tidak seberapa berbanding gajinya sebelum

ini sebanyak RM35,000 sebulan.

"Kalau ikutkan pendapatan hasil kebun ini RM3,000 sebulan, sedangkan saya ada komitmen lain termasuk empat anak yang bersekolah. Biarlah saya bersusah-susah dahulu, Insya-Allah bersenang-senang kemudian.

"Saya mempunyai banyak perancangan atas tanah ini termasuk mengusahakan ternakan ikan, membela kambing dan ayam. Saya juga merancang untuk membuka gerai makanan dalam masa terdekat," katanya.

Abu Bakar memberitahu, sektor pertanian mempunyai peluang yang cerah dan terjamin.

"Bagi industri makanan, kita terpaksa bergantung kepada import misalnya kelapa dari Thailand kerana pengeluaran negara tidak mencukupi.

"Oleh itu, saya berpandangan pertanian ini satu bidang yang bagus juga tidak kira sedikit atau banyak (hasil)," katanya.



ABU BAKAR memilih mengusahakan tanaman di Batu Pahat selepas perkhidmatannya sebagai juruterbang ditamatkan pada Mei lalu.